BAB TUJUH

PENUTUP

7.0 Pengenalan.

Dalam bab ini, dapatan-dapatan yang diperolehi daripada hasil analisis dan penelitian yang telah dibuat secara keseluruhan akan dirumuskan. Rumusan ini akan disusun mengikut urutan seperti yang telah dibincangkan dalam tujuan kajian di dalam Bab satu. Saranan-saranan bagi kajian selanjutnya juga akan dicadangkan.

Kajian ini telah berjaya mencapai objektif-objektif yang dinyatakan dalam tujuan kajian. Satu deskripsi yang lengkap tentang preposisi bahasa Dusun dan preposisi bahasa Melayu Standard telah dibincangkan dalam Bab Tiga dan Bab Empat. Didapati bahawa sejumlah 53 preposisi dalam bahasa Melayu telah dibincangkan, iaitu seperti yang dipaparkan dalam *Nahu Melayu Mutahir*, *Tatabahasa Dewan*, *Penggunaan Sendi Nama dalam Bahasa Melayu* dan *Nahu Melayu Moden*. Dalam bahasa Dusun, iaitu dengan berdasarkan penyelidikan yang pengkaji lakukan bagi menyempurnakan tesis ini didapati ada 33 preposisi, preposisi-preposisi ini dikategorikan kepada 13 subgolongan iaitu *preposisi tempat*, *preposisi waktu*, *preposisi arah*, *preposisi perhinggaan*, *preposisi kiasan*, *preposisi penafian*, *preposisi pengecualian* dan *preposisi muasal*.

Perbandingan penggunaan preposisi dalam bahasa Dusun dan bahasa Melayu Standard dengan menggunakan Analisis Kontrastif juga telah dibincangkan dalam Bab Lima. Analisis secara Kontrastif telah memperlihatkan perbezaan dari segi jumlah penggolongan dan padanan kata yang setara. Persamaan dan perbezaan yang wujud dalam kedua-dua bahasa, iaitu bahasa Dusun sebagai bahasa ibunda dan bahasa Melayu Standard sebagai bahasa sasaran ini akan dapat membantu dalam bidang pengajaran dan pembelajaran. Menurut andaian dalam bidang Analisis Kontrastif, iaitu sebagaimana yang dijelaskan oleh Lado (1957), diyakini bahawa elemen-elemen linguistik yang sama dengan bahasa natif pelajar adalah mudah bagi mereka. Sebaliknya perbezaan-perbezaan elemen linguistik meliputi perbezaan penggunaan preposisi sama ada berdasarkan faktor semantik, wujud atau tidak padanan kata yang setara dan distribusi sesuatu preposisi dalam struktur ayat boleh menyebabkan berlakunya daerah-daerah permasalahan berhubung dengan pembelajaran bahasa sasaran.

Kajian lapangan seterusnya dilakukan bagi melihat realiti pernyataan ini. Analisis Kesilapan penggunaan preposisi bahasa Melayu Standard (sebagai bahasa sasaran) oleh seramai 90 orang pelajar Dusun telah dilakukan terhadap penggunaan preposisi-preposisi dalam bahasa sasaran sebagaimana yang dimaksudkan telah dibincangkan dalam Bab Enam.

7.1 Dapatan-dapatan Kajian

Penemuan terpenting daripada kajian ini adalah bahawa tidak semua ramalan-ramalan kesukaran yang disenaraikan dalam hierarki kesukaran analisis kontrastif itu betul kerana didapati tidak semua preposisi yang tidak wujud dalam bahasa ibunda itu menyulitkan pembelajaran, malah sebaliknya majoriti para pelajar Dusun dapat menjawab dengan betul. Contohnya soalan 11 bagi preposisi gaya/cara "dengan" yang dipaparkan dalam jadual 7, hanya 6.7 %, iaitu enam (6) orang sahaja yang tidak dapat menjawab dengan betul. Pada item 62 pula, bagi preposisi yang sama hanya 17.8 % sahaja yang tidak dapat menjawab dengan betul. Ini membuktikan bahawa tidak semua preposisi yang tidak wujud dalam bahasa ibunda itu menyulitkan pembelajaran.

Walau bagaimanapun, perbezaan yang wujud, khususnya perbezaan dari segi fungsi dan padanan kata yang setara antara bahasa Dusun dan bahasa Melayu Standard juga ada yang menimbulkan masalah kepada pelajar Dusun dalam pembelajaran bahasa Melayu Standard mereka. Begitu juga dengan preposisi yang wujud dalam kedua-dua bahasa, iaitu bahasa ibunda dan bahasa sasaran serta mempunyai fungsi, distribusi dan penggunaan yang sama bagi kedua-dua bahasa didapati tidak menimbulkan masalah kepada pelajar Dusun dalam pembelajaran bahasa Melayu Standard di sekolah. Perkara ini dapat dilihat pada item-item 96, 100, 47, 17, 55, 8,13, 98, 5, 80, 86, 32 dan 36.

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA

Didapati hanya sebahagian kecil sahaja yang tidak dapat menjawab dengan betul. Contohnya, item 36 bagi preposisi kiasan *seperti* yang padanannya "gaya-gaya" dalam bahasa Dusun didapati hanya 5.6 %, iaitu seramai lima orang pelajar sahaja yang tidak dapat menjawab dengan betul. Begitu juga dengan item 32 bagi preposisi ligatur *tentang* yang padanan katanya "pasal" dalam bahasa Dusun hanya 5.6 % yang tidak dapat menjawab dengan betul. Ini bermakna preposisi bahasa Melayu Standard yang mempunyai padanan kata yang setara dalam bahasa Dusun tidak menimbulkan masalah kepada pelajar Dusun.

Berdasarkan jadual 10 serta hasil analisis kesilapan didapati preposisi yang tidak wujud atau preposisi yang berbeza bentuk dan distribusinya dalam bahasa Dusun tidak menimbulkan masalah dalam pembelajaran. Contohnya, preposisi pengecualian "*kecuali*" pada item 74, preposisi hubungan "*antara*" pada item 14 dan 38 dan preposisi manfaat "*demi*" pada item 42. Begitu juga dengan preposisi yang mempunyai padanan kata yang setara dalam bahasa Dusun. Contohnya preposisi alat, preposisi muasal dan preposisi agentif. Sebaliknya, preposisi yang wujud dalam bahasa Dusun, tetapi tidak mempunyai padanan kata yang setara menimbulkan masalah kepada pelajar Dusun. Contohnya, preposisi kiasan "*laksana*" pada item 69 didapati 84 daripada 90 orang subjek telah menjawab dengan salah.

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA

7.2 Dapatan Daripada Soal Selidik

Dapatan penting yang lain ialah dengan berdasarkan hasil soal selidik yang dijalankan terhadap latar belakang pelajar Dusun didapati tahap pendidikan ibu bapa dan kemudahan-kemudahan serta infrastruktur yang lain seperti media massa, misalnya surat khabar dan televisyen tidak menunjukkan perbezaan yang ketara terhadap tahap pencapaian pembelajaran mereka. Contohnya P1 dalam jadual 11 di bawah, walaupun ibu bapa pelajar ini mempunyai pendidikan yang tinggi dan di rumah ada kemudahan seperti ada surat khabar, pelajar ini juga selalu pergi ke perpustakaan, tetapi didapati pelajar ini hanya memperolehi 49 % sahaja jawapan yang betul. Begitu juga dengan P7, P10 dan P24, pelajar-pelajar ini masing-masing memperolehi 63 %, 43 % dan 58 %.

Sebaliknya, P5 dalam jadual 11, memperolehi 75 % jawapan yang betul, meskipun di rumah pelajar ini tidak ada surat khabar dan pelajar ini langsung tidak pernah membaca surat khabar, tidak pernah ke perpustakaan, tidak pernah meminjam buku di perpustakaan, hanya suka membaca buku cerita dan menonton rancangan televisyen yang berbentuk hiburan (muzik dan nyanyian). Tahap pendidikan ibu bapanya juga setakat Tingkatan Dua dan Darjah Enam sahaja. Begitu juga dengan P16, P31, P38, P70, P71 dan P90, meskipun ibu bapa mereka berpendidikan rendah, iaitu Setakat sekolah rendah sahaja tetapi mereka mempunyai pencapaian yang memuaskan. Masing-masing memperolehi

91 %, 83 %, 81 %, 92 % dan 87 %. Ini membuktikan bahawa tahap pendidikan ibu bapa dan segala kemudahan infrastruktur tidak mempengaruhi tahap pencapaian pembelajaran mereka. Perkara ini dapat dilihat dengan jelas dalam jadual 11 pada Lampiran E di halaman 387. Bagaimanapun, supaya lebih jelas berikut akan dibincangkan tentang pencapaian pembelajaran pelajar-pelajar Dusun berdasarkan tahap pendidikan ibu bapa mereka.

7.2.1 Kategori Tahap Pendidikan Ibu Bapa Subjek dan Implikasinya Terhadap Pencapaian Subjek Kajian

Tahap pendidikan ibu bapa subjek kajian dibahagikan kepada tiga kategori, iaitu rendah, sederhana dan tinggi. Ibu bapa yang tidak pernah bersekolah membawa kepada mereka yang menerima pendidikan sehingga Tingkatan Tiga dan belum menduduki peperiksaan BJCE dikategorikan sebagai berpendidikan rendah. Ibu bapa yang lulus peperiksaan BJCE, SPM atau 'O' LEVEL dikategorikan berpendidikan sederhana dan ibu bapa yang berkelulusan Maktab Perguruan, STPM, 'A' LEVEL dan peringkat Ijazah dikategorikan berpendidikan tinggi.

Setelah analisis dibuat didapati tahap pendidikan ibu bapa subjek menunjukkan tidak ada perbezaan yang ketara antara mereka yang mempunyai ibu bapa yang berpendidikan rendah, sederhana dan tinggi. Oleh itu tahap pendidikan ibu bapa tidak mempengaruhi tahap pencapaian keputusan yang diperolehi oleh pelajar Dusun. Perkara ini

dapat dilihat dengan jelas pada jadual 11. Misalnya, empat orang subjek yang ibu bapanya berpendidikan rendah telah mendapat 90 % ke atas, iaitu P16, P70, P80 dan P90. Sedangkan hanya seorang subjek daripada kalangan yang ibu bapanya berpendidikan tinggi yang mendapat 90 %, iaitu P25 . Manakala tidak ada seorang pun pelajar yang ibu bapanya berpendidikan sederhana mendapat 90 % ke atas.

Sembilan orang subjek yang ibu bapanya berpendidikan rendah mendapat 80 % ke atas, iaitu P31, P38, P41, P50, P56, P71, P79, P80 dan P83. Manakala 12 orang subjek dari kategori yang ibu bapanya berpendidikan sederhana, iaitu P12, P13, P27, P33, P36, P48, P51, P52, P60, P61, P72 dan P76. Dari kalangan yang ibu bapanya berpendidikan tinggi pula seramai sembilan orang, iaitu P39, P40, P47, P53, P54, P55, P77, P78 dan P82.

7.3 Saranan-saranan

Dalam kajian ini pengkaji mencadangkan beberapa saranan yang perlu dibuat oleh para pengkaji bahasa atau kepada mereka yang bergiat dalam bidang kebahasaan. Antara lain cadangan tersebut ialah seperti yang berikut:

a) Bagi memantapkan penggunaan preposisi bahasa Melayu Standard di Negara Brunei Darussalam, pihak penggubal kurikulum atau pihak Kementerian Pendidikan perlu

menekankan penggunaan preposisi yang betul dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu baik di peringkat sekolah rendah, di sekolah menengah mahupun di peringkat tinggi.

b) Kajian Analisis Kontrastif dan Analisis Kesilapan yang lebih lanjut tentang aspek-aspek tatabahasa bahasa Melayu yang lain perlu dibuat.

7.4 Kesimpulan

Berdasarkan hasil kajian yang dijalankan, perbincangan dan analisis yang telah dibuat di atas jelas bahawa kedua-dua Analisis Kontrastif dan Analisis Kesilapan merupakan dua pendekatan yang mempunyai keistimewaan masing-masing. Bagi mendapatkan hasil dapatan yang tuntas kedua-dua pendekatan ini perlu digunakan secara beriringan. Para penyelidik tidak hanya boleh bergantung 100 % kepada ramalan analisis kontrastif tentang sukar senangnya sesuatu pengajaran dan pembelajaran sesuatu bahasa kerana tidak semua yang diramalkan itu betul-betul wujud dalam realitinya. Sebaliknya, para pendidik juga tidak boleh 100 % bergantung kepada hasil analisis kesilapan semata-mata kerana lain pelajar lain kesilapannya. Para pendidik juga memerlukan ramalan-ramalan analisis kontrastif sebagai garis panduan untuk meningkatkan tahap pengajaran dan pembelajaran yang lebih efektif kerana tidak dinafikan bahawa ramalan analisis kontrastif yang mengatakan bahawa

elemen-elemen linguistik yang sama antara kedua-dua bahasa, iaitu bahasa ibunda dan bahasa sasaran pelajar itu memudahkan pembelajaran dan elemen-elemen yang berbeza menyukarkan pembelajaran.

Di samping analisis kontrastif dan analisis kesilapan, hierarki kesukaran berdasarkan analisis kontrastif dan analisis kesilapan juga perlu dibuat. Dengan berbuat demikian kesulitan atau kesukaran akan dapat diatasi. Pendek kata dengan bantuan analisis kesilapan masalah pembelajaran yang tidak dapat diramal oleh analisis kontrastif akan dapat diatasi. Begitu juga sebaliknya.